

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

AOP451 - PERKEMBANGAN ORGANISASI

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **ENAM (6)** soalan. Soalan 1 adalah **WAJIB** dan pilih **LIMA (5)** soalan lain.

**Soalan 1 - WAJIB**

Bincangkan strategi campurtangan (1 strategi untuk 1 kumpulan sasaran) untuk:

(a) individu yang tidak berminat dalam kerjaya tetapi berpengalaman.

[13 markah]

(b) kumpulan kerja (bahagian pembelian) yang tidak boleh bekerjasama.

[13 markah]

(c) dua kumpulan projek (kawalan mutu) yang datang dari beberapa bahagian termasuklah pengeluaran, proses, pemasaran, perakaunan. Kumpulan-kumpulan ini lemah dalam mengintegrasikan maklumat-maklumat organisasi yang dikumpul serta membentuk rancangan tanpa mengambil kira rancangan kumpulan satu lagi.

[14 markah]

...2/-

Pilih **LIMA (5)** soalan sahaja.

Soalan 2

Jelaskan konsep perkembangan organisasi dan bezakannya dengan lain-lain program perubahan.

[12 markah]

Soalan 3

Jelaskan lima sifat perkembangan organisasi yang anda kenali daripada syarikat/organisasi/bahagian yang terlibat dalam proses perubahan.

[12 markah]

Soalan 4

Bincangkan pendekatan-pendekatan asas (sekurang-kurangnya 4) untuk menukar budaya korporat.

[12 markah]

Soalan 5

Apakah kebaikan-kebaikan dan kelemahan-kelemahan apabila mengambil agen luaran dan dalaman? Pada pendapat anda, mengapakah pendekatan pasukan dianggap alternatif yang baik?

[12 markah]

Soalan 6

Senaraikan dan jelaskan langkah-langkah yang terkandung dalam proses-proses mengumpul maklumat.

[12 markah]

...3/-

Soalan 7

Bagaimanakah anda mengguna Model Tingkap Johari sebagai alat dalam memahami komunikasi antara diri?

[12 markah]

Soalan 8

Kenali dan bandingkan gaya-gaya konflik utama yang terdapat di tempat/luar kerja.

[12 markah]

---ooo000ooo---